KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

18 DISEMBER 2022

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
18 DISEMBER 2022

HALAMAN:
16

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Ahmad Jazlan dilantik semula Pengerusi FELCRA

Keputusan ambil kira kehendak perwakilan Koperasi Peserta-Peserta Malaysia

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my



Ahmad Zahid bersama Ahmad Jazlan (tengah) merasmikan Sambutan 40 Tahun dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-40 Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Bekas Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub akan dilantik semula sebagai Pengerusi FELCRA.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata keputusan itu dibuat selepas mengambil kira kehendak perwakilan Koperasi Peserta-Peserta Malaysia Berhad.

Beliau berkata, biarpun Kabinet memutuskan semua jawatan politik dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ditamatkan, atas kehendak ahli koperasi itu, pertimbangan bagi lantikan semula itu diberikan.

"Saya tak boleh tak setuju untuk memberikan kepercayaan semula kepada Datuk Ahmad Jazlan.

"Dengan ini saya mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (Datuk Ramlan Harun) untuk mengeluarkan surat pelantikan semula dengan sesegera yang mungkin, tertakluk kepada persetujuan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

"Menteri sudah bersetuju atas arahan Timbalan Perdana Menteri. Tidak mustahi Datuk KSU segera menyempurnakan lantikan semula itu," katanya pada Majlis Sambutan 40 Tahun serta Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-40 koperasi berkenaan, malam kelmarin.

Ahmad Zahid yang juga menteri berkaitan berkata, Ahmad Jazlan sebelum ini antara pengerusi agensi lantikan politik yang sudah menamatkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi FELCRA, susulan pembentukan kerajaan baharu, selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15.

Langkah strategik

FELCRA Berhad pada 3 Oktober tahun lalu mengumumkan pelantikan Ahmad Jazlan sebagai pengerusi baharunya.

Lembaga Pengarah FELCRA Berhad berkata, pelantikan Ahmad Jazlan, 58, langkah strategik bagi memacu komitmen pengurusan tertinggi dalam menjayakan pelan transformasi dan hala tuju ke arah kelestarian syarikat.

Sementara itu, media sebelum ini memetik surat ditandatangani Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki, semua perkhidmatan pengerusi dan ahli lembaga pengarah di bawah kuota lantikan politik akan ditamatkan dengan serta-merta.

Menerusi surat berkenaan, penamatan itu membabitkan jawatan bagi badan berkanun persekutuan, syarikat menteri kewangan (diperbadan), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

TARIKH:
18 DISEMBER 2022

HALAMAN:
14

ONLINE

Utusan MALAYSIA ☐
BERITA HARIAN ☐
Metro ☒
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
NEW STRAITS TIMES ☐
南洋商報 NANYANG SIANG PAU ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
THE BORNEO POST ☐
NEW SABAH TIMES ☐

JAWATAN PENGERUSI FELCRA

AHMAD JAZLAN DILANTIK SEMULA

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur



AHMAD Zahid ketika menghadiri Majlis Sambutan 40 Tahun serta Mesyuarat Agung Perwakilan kali Ke-40 Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFMB).

Bekas Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub akan dilantik semula sebagai Pengerusi Felcra dalam masa terdekat, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menurut Ahmad Zahid, ia selepas mengambil kira kehendak perwakilan Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFMB).

Ahmad Zahid berkata, biarpun Kabinet sudah memutuskan supaya semua jawatan politik dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ditamatkan serta-merta namun atas kehendak ahli KPFMB, pertimbangan bagi lantikan semula itu diberikan.

"Saya tak boleh untuk tak setuju untuk memberikan kepercayaan semula kepada Datuk Ahmad Jazlan. Maka dengan ini saya mengarahkan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk mengeluarkan surat pelantikan semula dengan segera yang mungkin tertakluk kepada persetujuan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

"Oleh kerana menteri sudah bersetuju atas arahan Timbalan Perdana Menteri, maka tidak mustahillah Datuk KSU segera menyempurnakan lantikan semula itu," katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian pada Majlis Sambutan 40 Tahun serta Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-40 KPFMB, malam kelmarin.

Ahmad Zahid berkata, Ahmad Jazlan sebelum ini antara pengerusi GLC lantikan politik yang sudah menamatkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi Felcra sulan pembentukan kerajaan baru selepas Pilihan Raya Umum ke-15.

Felcra Berhad pada 3 Oktober tahun lalu mengumumkan pelantikan Ahmad Jazlan sebagai pengerusi baharunya.

Lembaga Pengarah Felcra Berhad memaklumkan, pelantikan Ahmad Jazlan, 58, itu adalah langkah strategik bagi memacu komitmen pengurusan tertinggi dalam menjayakan pelan transformasi dan hala tuju ke arah kelestarian syarikat.

Sementara itu, media sebelum ini melaporkan memetik surat ditandatangani Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, kesemua perkhidmatan pengerusi dan ahli lembaga pengarah di bawah kuota lantikan politik akan ditamatkan serta-merta.

Menerusi surat berkenaan, penamatan itu membabitkan jawatan bagi badan berkanun persekutuan, syarikat menteri kewangan (diperbadankan), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

TARIKH:
18 DISEMBER 2022
HALAMAN:
18
ONLINE

Utusan MALAYSIA ☐
BERITA HARIAN ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
NEW STRAITS TIMES ☐
南洋商報 NANYANG SIANG PAU ☒
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
THE BORNEO POST ☐
NEW SABAH TIMES ☐

官联公司政治委任要员

全接获解约函

终止官企政治委任

扎希：基于垦殖民意愿

嘉兹兰续掌

FELCRA Berhad

（八打灵再也17日讯）政府公司所有通过政治委任的人员都收到服务已被终止的通知信。

有关信函是于昨日所发出的，并指解约日从昨日算起。

根据网络媒体《今日自由大马》报道，这些信函已发送给受委为联邦法定机构主席或董事会成员的政治委任人员。

棕油理会主席已接函

大马棕油理事会（MPOB）主席孙伟瑄也证实，他已经收到解约信，正如其他依据其政党的建议而受委的董事会成员一样。

孙伟瑄也是全民党（PBM）的主席，他于2021年10月在祖莱达担任种植及原产业部部长时，被委任为大马棕油理事会主席。

他说，终止政治委任是正确的举动，新的联合政府应该有空间和时间自行委任官联公司和其他政府机构的成员。

不过，他认为，许多前部长与资深政治领袖能力都非常强，实行禁止政党成员担任这些职位的全面政策，放走这样的人才，实在太可惜了。

“我促请批评者要有耐心，让首相拿督斯里安华与其内阁委任各行各业的优秀人才来领导这些公司，让我们数年后再评估他们的表现。”



孙伟瑄　阿末嘉兹兰

（八打灵再也17日讯）前马推国会议员阿末嘉兹兰将再次受委为联邦土地复兴和统一局（FELCRA）主席。

根据“每日新闻”报道，副首相兼乡区及直辖区发展部长拿督斯里阿末扎希博士表示，这是在考虑了Felcra垦殖民的意愿后，所做出的决定。

阿末扎希说，尽管内阁已决定终止所有政府官联公司人员的政治委任合约，但他认为嘉兹兰应继续担任该职位。

“我相信嘉兹兰。因此，我特此指示乡区及直辖区发展部秘书长拉兰哈伦尽快发出重新委任信，但须获部长批准。”

“（乡区及直辖区发展部）部长已同意副首相（重新委任）的指示。”

曾任农村发展副部长

阿末嘉兹兰也是吉兰丹巫统主席，他去年10月首次受委为Felcra主席。

另外，他也曾在2013年至2018年期间，在前首相拿督斯里纳吉扎政时期，担任农村和区域发展副部长。